1. Saya berikrar bahawa saya akan taat setia dan patuh kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dan pemerintah Negeri saya.
2. Saya berikrar akan taat setia kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan sentiasa mematuhi dan terikat dengan peraturan-peraturan, undang-undang atau arahan-arahan yang dikenakan oleh Persatuan keatas diri saya.
3. Saya berjanji akan mencurahkan masa dan khidmat sukarela kepada Persatuan dan mematuhi semua arahan yang diberikan oleh Pegawai atasan saya. Saya bersetuju akan memberikan sekurang-kurangnya sebulan notis sebelum saya meletakkan jawatan atau berhenti menjadi ahli.

Tandatangan Ahli :

Tandatangan Ketua Utama Seksyen :

Tarikh : Tempat :

PENGESAHAN PEGAWAI BELIA

Saya telah mengesahkan bahawa penama tersebut di atas telah menjadi ahli Unit Belia sekolah saya dan beliau telah menerima taklimat berkenaan Palang Merah/Bulan Sabit Merah dan beliau terima menjadi ahli Belia PBSMM.

No. Unit Belia : Cabang : Cawangan :

Tarikh : Tandatangan Pegawai Belia :

**PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(Malaysian Red Crescent Society)**

IKRAR AHLI UNIT BANTUAN SUKARELA (Tidak Berpakaian Seragam)

Cawangan : Cabang : No. Unit :

Nama Penuh :
(Nyatakan Encik/Puan/Cik di)

Tarikh Lahir : Tempat Lahir :

Keturunan : No. Kad Pengenalan :

Agama : Pekerjaan :

Alamat (Rumah) :

Alamat (Sekolah) :

Nama Waris/Penjaga :

Alamat Waris/Penjaga :

Persaudaraan :

Sijil-sijil PBSMM yang diperolehi dan tarikh dikeluarakan :

Pertolongan Cemas : Rawatan Rumah :

Lain-lain Sijil Belia Bulan Sabit Merah yang diperolehi :

i) ii)

iii) iv)

Kelulusan Akademik :

Adakah anda sekarang melibatkan diri dengan mana-mana Pertubuhan Sukarela yang mungkin akan dihubungi semasa kecemasan. Jika ada, berikan maklumat:-

Nama dan alamat dua orang yang bertanggungjawab mengenali pemohon selama dua tahun atau lebih, tetapi bukan saudara:

a)

Kenalan dari tahun :

b)

Kenalan dari tahun :

IKRAR AHLI

1. Dengan ini, saya berikrar akan taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, Sultan/Gabenor serta pemerintah Negeri saya.
2. Saya berikrar akan taat setia kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan bersetuju mematuhi dan terikat kepada undang-undang Persatuan serta arahan-arahan yang dibuat oleh Persatuan dan Cawangan terhadap diri saya dari masa ke semasa.
3. Saya bersetuju menumpukan masa sepenuhnya untuk meningkatkan tahap kecekapan diri saya seperti yang ditetapkan oleh undang-undang Persatuan dan mematuhi semua arahan dan perintah yang diberikan oleh Pegawai atasan saya. Saya bersetuju memberitahu Jawatankuasa Cawangan saya, sekurang-kurangnya satu bulan notis sebelum saya menyatakan atau meletakkan jawatan dalam PBSMM.

Tandatangan Ahli :

Tarikh : Saksi :

PENGESAHAN KOMANDAN

Saya telah mengesahkan bahawa penama tersebut telah menerima taklimat berkenaan Palang Merah/Bulan Sabit Merah dan beliau terima menjadi ahli Belia PBSMM.

No. Unit : Cawangan :

Tandatangan : Tandatangan Komandan :

(In accordance to the Ethical Code use by IFRC)

PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(Malaysian Red Crescent Society)

ETHICAL CODE

As a members of Malaysian Red Crescent Society,

- That I will comply with the Corporate Rules 2000 and Rules of Procedure as may be in force from time to time
- That at all times I will make decisions and otherwise act fully in accordance with the Fundamental Principles of the Movement.
- That I will place the interests of MRCS before any personal considerations
- That in the event of conflict of interest, or alleged conflict of interest, I will either:
 - i. resolve such issue directly in accordance with my obligations under this Code of Conduct, or
 - ii. resign
- That I will comply with such Terms of Reference / Code of Conducts as may be adopted by NEB from time to time, including but not limiting to the following:
 - i. treat the public at – large, victims media inquiries, officials of MRCS politely and consideration
 - ii. treat my officials and colleagues with professional courtesy and respect
 - iii. respect my official and colleagues privacy and dignity
 - iv. listen to officials and colleagues and respects their views
 - v. not give any information on MRCS, officials and colleagues that I am not qualified to give
 - vi. endeavor to do no harm to officials, colleagues and victims either by word, deed or omission
 - vii. develop and practice the use of my skill and knowledge to the best of my ability
 - viii. recognise the limits of my competence
 - ix. be honest and trustworthy
 - x. respects and protects confidential information
 - xi. make sure that my personal beliefs do no prejudice my dealings with the public-at-large and victims
 - xii. not allow consideration of race, religion, gender or sexual orientation to prejudice my work
 - xiii. avoid abusing my position as a member/staff

I have read, understood and will abide by the above Ethical Code

Signed :

Name :

Date :

NRIC Number :

Membership Number :

DI BAWAH NAUNGAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG



PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(MALAYSIAN RED CRESCENT SOCIETY)

**PENDAFTARAN
PASUKAN BANTUAN SUKARELA
(TIDAK BERPAKAIAN SERAGAM)**

Bahawasanya adalah diakui
Pasukan Bantuan Sukarela Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia
telah ditubuhkan

Didaftarkan di Ibu Pejabat Kebangsaan
Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia

Cawangan
Daerah
Tarikh didaftar
No Daftar

Setiasaha Agung PBSM

AHLI PERSEKUTUAN ANTARABANGSA PERSATUAN-PERSATUAN PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH



AHLI SEUMUR HIDUP

(ASUH)

AHLI SEUMUR HIDUP (ASUH)

1. Penerimaan Keahlian / Yuran Keahlian
2. Kaedah Pendaftaran Ahli
3. Penempatan Ahli
4. Sijil Ahli Seumur Hidup
5. Keistimewaan Ahli Seumur Hidup (ASUH)
6. Lampiran Borang-Borang mengenai Ahli Seumur Hidup (ASUH)
7. Insuran Keahlian Ahli Seumur Hidup (ASUH)
8. Kod Etika Ahli
9. Disiplin
 - 9.1 Pelanggaran Disiplin
 - 9.2 Tindakan
 - 9.3 Rayuan
10. Perpindahan Keahlian
11. Pingat & Pengurniaan

BAHAGIAN D

AHLI SEUMUR HIDUP (ASUH)

1. PENERIMAAN KEAHLIAN / YURAN KEAHLIAN

Ahli Seumur Hidup PBSMM bukanlah kategori ahli yang 'istimewa' didalam Persatuan. Sesiapa sahaja boleh menjadi ahli Seumur Hidup PBSMM dengan membayar yuran keahlian tidak kurang RM1,000.00 (Satu Ribu Ringgit). Ahli seumur hidup sedikit sebanyak membantu Cawangan PBSMM dari segi kutipan yuran keahlian namun dari segi status tiada bezanya diantara ahli sukarelawan aktif dan ahli sumbangan.

2. Ahli Seumur Hidup (ASUH) boleh bergerak cergas didalam salah satu Unit Bantuan Sukarela dan lain-lain unit. Dari segi latihan juga Ahli Seumur Hidup (ASUH) tidak terkecuali. Mereka perlu mengikuti latihan sewajarnya seperti terkandung didalam Buku Panduan No.7.
3. Ahli Seumur Hidup (ASUH) yang tidak aktif masih diiktiraf oleh PBSMM sebagai ahli yang sah (ahli sumbangan). Kad Pengenalan Ahli Seumur Hidup (ASUH) adalah seperti kad pengenalan ahli yang di keluarkan kepada Ahli PBSMM (18 tahun keatas) yang menjelaskan yuran keahlian.
4. Kad Pengenalan PBSMM kategori Ahli Seumur Hidup (ASUH) akan diterterakan sebagai menandakan beliau sudah membayar yuran keahlian selama ia hidup dan keahliannya akan lupus apabila ahli berkenaan meninggal dunia.
5. Lain-lain proses mengenai keahlian Seumur Hidup adalah seperti yang tertera didalam Bahagian A,B,C Buku Panduan Pelbagai Unit PBSMM (Keahlian)

KEAHLIAN PBSMM
DI MAKTAB PERGURUAN DAN
INSTITUT PENGAJIAN TINGGI /
UNIVERSITI

Keahlian PBSMM di Maktab Perguruan dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) / Universiti

1. Penerimaan Keahlian / Yuran Keahlian
2. Kaedah Pendaftaran Ahli
3. Penempatan Ahli
4. Sijil Pendaftaran Unit PBSMM di Maktab Perguruan dan IPT / Universiti dan yang setaraf dengannya
5. Lampiran Borang-Borang PBSMM mengenai Unit Maktab Perguruan / IPT/Universiti dan yang setaraf dengannya.
6. Kad Pengenalan
7. Insuran
8. Kod Etika
9. Disiplin
 - 9.1 Pelanggaran Disiplin
 - 9.2 Tindakan
 - 9.3 Rayuan
10. Perpindahan Keahlian
11. Akaun Unit PBSMM di Maktab Perguruan dan IPT / Universiti dan yang setaraf dengannya
12. Struktur Organisasi Unit
13. Pingat & Pengurniaan

KEAHLIAN PBSMM DI MAKTAB PERGURUAN DAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) / UNIVERSITI

1. PENERIMAAN KEAHLIAN / YURAN KEAHLIAN

Keahlian PBSMM di Maktab-Maktab Perguruan dan di Institusi Pengajian Tinggi merupakan salah satu aset kepada negara dan tenaga manusia yang sangat berpotensi yang kebanyakannya ahli-ahli di institusi ini berumur 18 tahun keatas

Institusi Pengajian Tinggi adalah dikategorikan sebagai sebuah Cabang setelah ianya memenuhi kehendak Perlombongan PBSMM. Walau bagaimanapun keahliannya mesti di daftarkan melalui Cawangan yang terdekat dengannya.

Aktiviti PBSMM di Institusi akan disesuaikan dengan peraturan di institusi tersebut dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pelajaran atau Kementerian Pendidikan Tinggi.

PBSMM diperingkat Kebangsaan, Cawangan dan Cabang akan menyelaraskan aktiviti-aktiviti di institusi tersebut agar berjalan lancar tanpa timbul sebarang masalah birokrasi, komunikasi dan status masing-masing.

Unit Bantuan Sukarela di Institusi Pengajian Tinggi boleh ditubuhkan dimana-mana sahaja sama ada institusi itu dibawah tajaan kerajaan dan lain-lain institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Tinggi atau Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ahli-ahli hendaklah berumur 18 tahun keatas dan sekumpulan ahli-ahli 15 orang boleh mewujudkan satu unit Bantuan Sukarela di institusi tersebut. Yuran ahli adalah sebanyak RM2.00 (dua ringgit) setahun dan digalakkan membayar sekali gus untuk tempoh selama berada di institusi tersebut.

2. KAEDAH PENDAFTARAN AHLI

2.1 Pendaftaran Keahlian tersebut disahkan melalui Cabang/Cawangan ke Ibu Pejabat Kebangsaan. Pegawai pemimpin PBSMM (Pensyarah/Penasihat – selaku Komandan) bertanggungjawab mendaftarkan Unit Bantuan Sukarela institusi berkenaan.

2.2 Kebenaran daripada Pengetua dan Bahagian Pendidikan Guru (jika Institusi Pendidikan kerajaan) atau Pegawai Tertinggi di satu-satu institusi swasta/bukan kerajaan perlu diperolehi sebelum permohonan pendaftaran unit di majukan kepada PBSMM di peringkat Ibu Pejabat Kebangsaan melalui Cabang atau Cawangan. Borang Pendaftaran Unit yang berkaitan dengan pendaftaran unit hendaklah dipenuhi seperti di Lampiran.

3. **PENEMPATAN AHLI**

- 3.1 Pelatih-pelatih atau siswa-siswi yang menganggotai unit PBSMM akan diletakkan di bawah pengawasan Komandan (Pensyarah Penasihat) di institusi masing-masing dan dibantu oleh ahli Jawatankuasa Unit PBSMM itu sendiri.
- 3.2 Tauliah Perlantikan Komandan dan Pegawai-Pegawai Unit PBSMM akan dikeluarkan oleh Pengerusi Cawangan PBSMM dan akan diserahkan kepada Pegawai-Pegawai berkenaan. Tauliah Perlantikan akan lupus sekiranya Pegawai tersebut melepaskan jawatan atas sebab-sebab tertentu, namun selagi beliau mambayar yuran keahlian dan memperbaharunya, keahlian PBSMMnya masih dikira sah walau pun dimana ia berada.

4. **SIJIL PENDAFTARAN UNIT PBSMM DI MAKTAB PERGURUAN DAN IPT / UNIVERSITI DAN YANG SETARAF DENGANNYA.**

Sijil Pendaftaran Unit akan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Kebangsaan dan akan diserahkan kepada Pengetua Maktab setelah penyerahan Sijil Pendaftarannya dibuat melalui Cabang dan Cawangan.

5. **LAMPIRAN BORANG-BORANG PBSMM MENGENAI UNIT MAKTAB PERGURUAN / PENGAJIAN TINGGI**

Komandan (Pensyarah Penasihat PBSMM Unit) hendaklah menguruskan Borang Pendaftaran (Lihat Lampiran) dan menyerahkan borang tersebut bersama-sama dengan Borang Keahlian Tahunan ahli yang sudah didaftarkan kepada Ibu Pejabat Kebangsaan melalui Cabang/Cawangan untuk disahkan.

6. **KAD PENGENALAN AHLI PBSMM DI MAKTAB PERGURUAN /INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI.**

- 6.1 Kaedah Pendaftaran Keahlian – Kad Pengenalan baru ahli PBSMM. Lihat Lampiran
- 6.2 Maklumat-maklumat mengenai PBSMM boleh di perolehi melalui Pejabat PBSMM Cabang / Cawangan/Ibu Pejabat Kebangsaan dengan menghubungi Pegawai Pentadbiran PBSMM masing-masing tau layari email: atau website: <http://www.redcrescent.org.my> atau email kepada Cabang / Cawangan yang mempunyai kemudahan tersebut.
- 6.3 Kad Pengenalan Ahli (laminasi) akan di berikan kepada setiap ahli yang menjelaskan yuran keahlian bagi tempoh 5 tahun keatas.

- 6.4 Ahli-ahli yang berhenti daripada menjadi ahli hendaklah menyerahkan kembali Kad Pengenalan ahli kepada Pejabat Cabang/Cawangan PBSMM yang terdekat atau ke Cawangan Asal dimana ia mula-mula didaftarkan.
- 6.5 Keahlian PBSMM di peringkat Maktab/Institusi boleh diteruskan dimana-mana Cawangan ahli-ahli ini di tempatkan. Ahli di minta melaporkan diri ke Pejabat PBSMM dimana ia ditempatkan untuk meneruskan khidmat sukarela di Cawangan/Cabang tempat ia berada.

7 INSURAN KEAHLIAN

- 7.1 Pelatih-Pelatih Maktab PBSMM dimestikan mencarum dengan Skim Insuran yang di uruskan oleh Ibu Pejabat Kebangsaan (group personal accident insurance policy). Lihat Lampiran.
- 7.2 Adalah menjadi tanggungjawab Komandan (Pensyarah Penasihat PBSMM) menjelaskan yuran untuk tujuan insuran ini setiap tahun dan membayar yuran pembaharuan insuran tahun-tahun berikutnya.
- 7.3 Cawangan mesti memberikan Laporan Statistik Keahlian yang kemaskini sebelum berakhir 31/12 setiap tahun kepada Ibu Pejabat Kebangsaan. Notis peringatan awal bagi tujuan diatas akan dikeluarkan oleh IPK seawal bulan September setiap tahun.
- 7.4 Cawangan juga dibenarkan untuk menguruskan perlindungan insuran untuk ahli Cawangannya sendiri.
- 7.5 Kemalangan Ahli

Kemalangan yang menimpa ahli-ahli sama ada kemalangan maut atau kehilangan upaya kekal hendaklah di laporkan kepada pihak Ibu Pejabat Kebangsaan dan Cabang / Cawangan masing-masing dengan segera.

Jika berlaku kemalangan maut, butir-butir berikut hendaklah dimajukan bersama-sama dengan Borang Tuntutan yang di keluarkan oleh Syarikat Insuran (Broker Insurance)

- 7.5.1 Laporan Polis (kemalangan jalan raya)
- 7.5.2 Laporan Perubatan
- 7.5.3 Sijil Kematian & Penguburan
- 7.5.4 Kad Keahlian Ahli
- 7.5.5 Nama Waris
- 7.5.6 Lain-Lain bil perubatan

7.6 Kemalangan Biasa / Hilang Upaya Kekal

- 7.6.1 Laporan Polis (kemalangan jalan raya)
- 7.6.2 Laporan Perubatan
- 7.6.3 Bil-bil tuntutan
- 7.6.4 Kad Keahlian PBSMM / Sijil Keahlian
- 7.6.5 Borang Tuntutan Insuran yang telah di lengkapkan

7.8 Pembayaran Tuntutan

Pihak Syarikat Insuran akan membuat pembayaran tuntutan kepada Ibu Pejabat Kebangsaan. Penuntut atau pewaris menuntut haknya melalui pembayaran yang di uruskan oleh Ibu Pejabat Cawangan dengan cek berpaling.

8. KOD ETIKA AHLI

Rujuk Lampiran

9. DISIPLIN

- 9.1 Setiap Pegawai adalah dikehendaki menjaga taraf kelakuan mereka pada setiap masa bersesuaian dengan jawatan mereka.
- 9.2 Tiap Pegawai hendaklah dengan sendirinya meneliti dan menentukan yang ahli bawahan mereka mematuhi segala peraturan, arahan dan undang-undang. Seseorang Pegawai itu tidak dibenarkan menyoal kepentingan atau keutamaan sesuatu arahan yang dikeluarkan secara umum atau kepada dirinya sendiri oleh seseorang pegawai atasannya.
- 9.3 Setiap Pegawai adalah dengan sendirinya bertanggungjawab untuk menjaga kelakuannya dan sentiasa menjaga kedudukannya bersama dengan pegawai-pegawai atasan atau bawahannya. Beliau juga akan memerlukan daripada pegawai bawahannya tindak balas dan kecekapan melaksanakan tanggungjawab mereka sepertimana juga yang diperlukan daripada dirinya.
- 9.4 Adalah menjadi tanggungjawab setiap pegawai mengemukakan laporan rasmi kepada pegawai atasannya sekiranya ada diantara pegawai bawahannya yang kekurangan kecekapan atau daya usaha mereka. Sekiranya beliau gagal melaporkan kelemahan atau kekurangan daya usaha Pegawai dan ahli bawahannya atau pun apabila ada diantara mereka yang telah melakukan kesalahan, maka ianya juga adalah mencerminkan kelemahan diri pegawai itu sendiri.

9.5 Seseorang pegawai itu tidak boleh mengeneipkan tugasnya disebabkan kepentingan dirinya sendiri dan berkelakuan seperti yang diketahui atau dijangka mengetahuinya boleh menimbulkan syak wasangka yang:

9.5.1 Ia menyalahgunakan kepentingan peribadinya bertentangan dengan tugas- tugasnya

9.5.2 Ia menggunakan kedudukannya untuk kepentingan peribadinya.

9.5.3 Seseorang pegawai tidak dibenarkan berkelakuan yang boleh mencemarkan nama atau memburukkan PBSMM.

9.5.4 Seseorang pegawai tidak sepatutnya mengurangkan kecekapan dan daya usahanya atau berkelakuan seperti yang kecekapan atau daya usahanya telah berkurangan.

9.5.5 Seseorang pegawai itu mestilah amanah dan tidak berkelakuan yang boleh menimbulkan syak wasangka terhadap kejujurannya.

9.5.6 Seseorang pegawai tidak boleh membawa atau cuba membawa pengaruh luar atau tekanan luar untuk menyokong atau mempengaruhi sesuatu tuntutan sama ada ianya tuntutan peribadi atau pun tuntutan daripada ahli-ahli lain didalam persatuan.

9.5.7 Seseorang pegawai tidak boleh berkelakuan sepertimana yang boleh menimbulkan tindakan menderhaka.

9.6 Pemberhentian dan Penamatan Keahlian

9.6.1 Seseorang ahli boleh berhenti keahliannya dengan memberi notis bertulis kepada Persatuan. Pemberhentian akan berkuatkuasa sebaik sahaja notis tersebut diterima oleh Persatuan.

9.6.2 Seseorang ahli Persatuan boleh di gantung, di lucutkan atau di tamatkan keahliannya oleh pihak Persatuan.

9.6.3 Seseorang ahli yang ditamatkan atau diberhentikan keahliannya mengikut arahan (1) diatas tidak layak membuat sebarang tuntutan kewangan daripada Persatuan tetapi diperlukan membayar sebarang hutang yang dibuat sehingga tarikh beliau dibuang atau diberhentikan daripada Persatuan.

9.7 Kelayakan Untuk Merayu

Seseorang ahli yang terlibat atau terkilan diatas keputusan yang dibuat dibawah arahan ini boleh mengemukakan rayuan beliau secara bertulis di dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan dikeluarkan.

9.8 Kuasa Mempertimbangkan dan lain-lain

Adalah budibicara Jawatankuasa Majlis Kebangsaan untuk mengkaji, meminda atau memansuhkan sebarang keputusan untuk membuang, menamatkan atau mengantung keahlian seseorang itu. Setelah ianya disahkan maka keputusan yang dibuat oleh Majlis Kebangsaan adalah muktamad.

10. PERPINDAHAN KEAHLIAN

10.1 Sekiranya berlaku perpindahan Unit Bantuan Sukarela Maktab Perguruan/Institusi Pengajian Tinggi di dalam Cabang yang sama maka Pensyarah Penasihat di kehendaki memaklumkan dengan rasmi perpindahan tersebut dengan menyertakan rekod keahlian kad pengenalan serta mengisikan Borang Perpindahan seperti di Lampiran. Salinan surat perpindahan tersebut hendaklah di majukan kepada Setiausaha Cabang berkenaan untuk memperkemaskinikan rekod keahlian Cabang tersebut.

10.2 Jika berlaku perpindahan Unit Bantuan Sukarela Maktab Perguruan/Institusi Pengajian Tinggi di luar Cabang di Cawangan yang lain proses yang sama harus di laksanakan. Setiausaha Cabang dan Cawangan yang terlibat diatas perpindahan tersebut hendaklah dimaklumkan dengan rasmi. Segala rekod, kad pengenalan ahli serta borang perpindahan hendaklah di lengkapkan seperti di lampiran

11. AKAUN UNIT PBSMM DI MAKTAB PERGURUAN DAN IPT / UNIVERSITI DAN YANG SETARAF DENGANNYA.

11.1 Akaun atas nama Unit Bantuan Sukarela Maktab Perguruan/Institusi Pengajian Tinggi PBSMM (nama Maktab) sahaja dibenarkan.

11.2 Komandan (Pensyarah Penasihat) bertanggungjawab menghantar laporan Penyata Akaun setiap tahun kepada Bendahari Kehormat Cabang /Cawangan.

11.3 Unit PBSMM Maktab Perguruan/Institusi Pengajian Tinggi tidak dibenarkan mengadakan projek kutipan derma kepada orang ramai. Peraturan Maktab/ Institusi Pengajian Tinggi yang sedia ada mengenainya hendaklah juga diambil kira.

11.4 Segala urusan yang melibatkan kewangan untuk faedah ahli-ahli PBSMM di Maktab / Institusi Pengajian Tinggi adalah dibawah tanggungjawab Komandan. Pengetua atau Pegawai Atasan Maktab sewajarnya memantau kegiatan Unit PBSMM di Maktab masing-masing terutama berkaitan dengan kewangan.

12. **STRUKTUR ORGANISASI UNIT PBSMM DI MAKTAB PERGURUAN /INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI.**

Lihat Lampiran.

13. **PINGAT & PENGURNIAAN**

Rujuk Buku Panduan

14. **LATIHAN – RUJUK BUKU PANDUAN NO.7**

15. **TANGGUNGJAWAB & BIDANG TUGAS JAWATANKUASA PEGAWAI-PEGAWAI PBSMM**

Lihat Lampiran

(In accordance to the Ethical Code use by IFRC)

PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(Malaysian Red Crescent Society)

ETHICAL CODE

As a members of Malaysian Red Crescent Society,

- That I will comply with the Corporate Rules 2000 and Rules of Procedure as may be in force from time to time
- That at all times I will make decisions and otherwise act fully in accordance with the Fundamental Principles of the Movement.
- That I will place the interests of MRCS before any personal considerations
- That in the event of conflict of interest, or alleged conflict of interest, I will either:
 - i. resolve such issue directly in accordance with my obligations under this Code of Conduct, or
 - ii. resign
- That I will comply with such Terms of Reference / Code of Conducts as may be adopted by NEB from time to time, including but not limiting to the following:
 - i. treat the public at – large, victims media inquiries, officials of MRCS politely and consideration
 - ii. treat my officials and colleagues with professional courtesy and respect
 - iii. respect my official and colleagues privacy and dignity
 - iv. listen to officials and colleagues and respects their views
 - v. not give any information on MRCS, officials and colleagues that I am not qualified to give
 - vi. endeavor to do no harm to officials, colleagues and victims either by word, deed or omission
 - vii. develop and practice the use of my skill and knowledge to the best of my ability
 - viii. recognise the limits of my competence
 - ix. be honest and trustworthy
 - x. respects and protects confidential information
 - xi. make sure that my personal beliefs do no prejudice my dealings with the public-at-large and victims
 - xii. not allow consideration of race, religion, gender or sexual orientation to prejudice my work
 - xiii. avoid abusing my position as a member/staff

I have read, understood and will abide by the above Ethical Code

Signed :


Name :

Date :

NRIC Number :

Membership Number :

STRUKTUR PASUKAN BANTUAN SUKARELA PBSMM DI MAKTAB PERGURUAN DAN IPT



P.K.S = Pen. Ketua Seksyen
 X = Ahli-ahli

**TUGAS DAN
TANGGUNGJAWAB**

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI UTAMA DAN JAWATANKUASA PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA

(Disesuaikan mengikut tahap dimana seseorang itu memegang jawatan sama ada di peringkat Cabang/Cawangan dan di Peringkat Kebangsaan)

1. PENGERUSI

- a. Bertanggungjawab keatas semua aktiviti yang berkaitan dengan Persatuan
- b. Terlibat secara langsung dalam aspek:
 - i. Pengurusan
 - ii. Pentadbiran
 - iii. Pembangunan.
- c. Merupakan tulang belakang Persatuan.
- d. Terlibat dalam tugas-tugas rasmi dengan Kementerian/Jabatan Kerajaan dan PBSMM.
- e. Bertanggungjawab didalam memastikan belanjawan PBSMM dan perancangan belanjawan PBSMM tersusun rapi.

2. TIMBALAN PENGERUSI

Semasa ketiadaan Pengerusi, semua tanggungjawab diatas adalah dibawah tanggungannya.

3. NAIB PENGERUSI I & NAIB PENGERUSI II.

- a. Semasa ketiadaan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi secara automatik mereka mengambil alih tugas Pengerusi dalam aspek surat menyurat dan pentadbiran PBSMM.
- b. Jika tiada Pengerusi (semasa Pengerusi meletak jawatan atau tamat tempoh khidmat) atau bertukar, Naib Pengerusi akan memangk jawatan Pengerusi sehingga jawatan Pengerusi baru dilantik.
- c. Membantu Pengerusi didalam Pentadbiran Pembangunan dan Kewangan PBSMM.

Pembahagian Tugas diantara Naib Pengerusi I dan Naib Pengerusi II

Naib Pengerusi I - memantau dan membantu

- Setiausaha Kehormat
- Bendahari Kehormat
- Jawatankuasa
 - Kutipan Derma & Informasi
 - Latihan & Desiminasi
 - Ambulans & Bantuan Bencana Operasi Menyelamat
 - Bangunan
 - Pentadbiran & Perjawatan

Naib Pengerusi II – memantau dan membantu

- Jawatankuasa Program Darah
- Jawatankuasa Belia
- Jawatankuasa Kesihatan & Perkhidmatan Masyarakat
- Jawatankuasa Hal Ehwal Undang-Undang & UJKA
- Perhubungan Antarabangsa.

4. PENGARAH

- a. Bertanggungjawab mengimplementasi segala polisi dan keputusan yang dipersetujui yang di arah oleh Jawatankuasa.
- b. Memantau tugas-tugas yang dijalankan oleh Penolong Pengarah Unit Bantuan Sukarela Belia, Kanak-Kanak dan semua Unit yang ada dalam Persatuan.
- c. Menyelaraskan tugas dengan semua Pengerusi Jawatankuasa untuk mengerakkan tenaga dan sumber manusia bila mana diperlukan.

5. SETIAUSAHA AGUNG / SETIAUSAHA KEHORMAT

- a. Nadi penghubungan dalam Persatuan
- b. Bertanggungjawab kepada Jawatankuasa bagi tugas-tugas sekretariat.
- c. Mempastikan hubungan baik dan rapat dengan kerajaan, sektor swasta dan lain organisasi.
- d. Mengkoordinasikan semua aktiviti PBSMM.
- e. Membantu Bendahari Kehormat menyiapkan Belanjawan Tahunan

dan Penyata Kewangan

- f. Bertanggungjawab keatas semua dokumen penting, rekod pendaftaran dan insuran.

6. **BENDAHARI KEHORMAT**

6.1 Bertanggungjawab dalam

- a. Akaun PBSMM
- b. Penyediaan Penyata kira-kira
- c. Penyata resit dan pembayaran
- d. Debit, Kredit dan Baki untuk bulanan dan tahunan

6.2 Menandatangani Cek bersama dengan 2 orang lagi (Penandatanganan yang disahkan)

6.3 Menyediakan Belanjawan Tahunan Untuk Mesyuarat Agong dan di edarkan kepada semua Ahli Jawatankuasa.

6.4 Memberi nasihat dalam soal-soal kewangan

6.5 Bertanggungjawab di atas harta seperti Harta tanah, bangunan, kenderaan, kelengkapan pejabat, perabot dan lain-lain.

6.6 Menyedia dan mengemukakan laporan kewangan bersepadu untuk pembentangan.

7. **PEGAWAI PERUBATAN**

1. Bertanggungjawab keatas aspek-aspek perubatan dan kesihatan dan program mengenainya

2. Bekerjasama dengan Penolong-Penolong Pengarah didalam mengemaskan kaedah dan sukatan pelajaran mengenai Pertolongan Cemas dan Permulihan Nafas & Jantung dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan nya.

8. **PENGUASA JURURAWAT**

1. Bertanggungjawab di dalam semua aspek berkaitan dengan aktiviti – aktiviti kejururawatan.
2. Bekerjasama dengan Penolong – penolong Pengarah khususnya Latihan di dalam mengemaskinikan kaedah – kaedah Kejururawatan.

9. **PENOLONG PENGARAH LATIHAN**

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah di dalam semua aspek latihan.
2. Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Latihan.
3. Mengkoordinasikan, merancang dan melaksanakan program Latihan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia

10. **PENOLONG PENGARAH U.B.S**

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah didalam semua perkara berkaitan dengan Unit Bantuan Sukarela (VAD).
2. Bertanggungjawab di atas kebajikan , pengurusan dan aktiviti -- aktiviti untuk Unit Bantuan Sukarela (VAD).
3. Bertanggungjawab di atas pemulihan dan pembangunan unit –unit Bantuan Sukarela yang baru
4. Bekerjasama dengan Pengarah bagi menggerakkan ahli – ahli Unit Bantuan Sukarela di dalam Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia untuk membantu Persatuan menyediakan guria tenaga sukarela

11. **PENOLONG PENGARAH BELIA**

- a. Bertanggungjawab kepada Pengarah bagi semua perkara yang berhubungkait dengan Unit Belia dan Kanak-Kanak.
- b. Bertanggungjawab keatas kebajikan am, pengurusan dan aktiviti Unit Belia/Kanak-Kanak
- c. Bertanggungjawab didalam penubuhan dan kernajuan unit-unit baru Belia /Kanak-Kanak PBSMM.

12. **PEGAWAI INFORMASI**

- a. Bertanggungjawab kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dan Naib Pengerusi didalam menyediakan informasi yang tepat dan betul mengenai PBSMM
- b. Bekerjasama dengan Setiausaha, menjalinkan hubungan baik dan rapat dengan semua Ahli Jawatankuasa disemua peringkat, berhubung dengan kerajaan/NGO dan lain-lain agensi dan wartawan mengenai aktiviti PBSMM.

13. **PENGERUSI-PENGERUSI JAWATANKUASA.**

JAWATANKUASA KESIHATAN & PERKHIDMATAN MASYARAKAT

- a. Merancang dan mengimplementasikan aktiviti berkaitan yang diluluskan oleh Belanjawan Tahunan.
- b. Memperluaskan aktiviti-aktiviti kampung angkat, Penjagaan Kesihatan Asas, Taska dikawasan-kawasan yang vulnerable.

14. **JAWATANKUASA PROGRAM DARAH, HIV/AIDS & PENYALAHGUNAAN DADAH**

- a. Menghubungi Agensi Dadah Kebangsaan didalam Program Anti Dadah Kebangsaan/Cawangan/Daerah untuk melahirkan kesedaran dan pencegahan mengenai dadah. Mendapatkan bantuan kewangan dan penajaan menjalankan kursus bersama dengan pihak Agensi Dadah Kebangsaan.
- b. Mengkoordinasikan Program Pengambilan darah dan mengemaskinikan sistem Data Base untuk penderma-penderma darah khusus dikalangan ahli PBSMM.
- c. Menganjurkan kempen derma darah berterusan dengan kerjasama Pusat Darah Negara, Tabung Darah Negeri/Daerah.
- d. Mencapai kesatu tahap dimana pendermaan darah secara percuma 100 %.

15. **JAWATANKUASA ANUGERAH**

- a. Mengemukakan sokongan dan pencalonan kepada Jawatankuasa Anugerah Kebangsaan mana-mana ahli yang layak untuk pertimbangan anugerah.

16. **JAWATANKUASA BANTUAN BENCANA & OPS MENYELAMAT.**

- a. Bertanggungjawab kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Naib Pengerusi didalam semua aktiviti bencana.
- b. Bertanggungjawab memberikan arahan Pergerakan, arahan-arahan pentadbiran apabila berlaku bencana.
- c. Bertanggungjawab menyiapkan kawalan Bantuan Bencana PBSMM dan menyelaraskan hubungan dengan Pengarah untuk mengerakkan tenaga manusia dan sumber-sumber semasa berlaku bencana.
- d. Menyelaraskan perhubungan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat atas peruntukan bantuan bencana.
- e. Bertanggungjawab membangun dan mengemaskinikan Rancangan Persediaan Bantuan Bencana.
- f. Mewakili Persatuan didalam Jawatankuasa Bantuan Bencana Kebangsaan/Negeri/Daerah.

17. **PENGERUSI JAWATANKUASA KUTIPAN DERMA**

- a. Bertanggungjawab kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Naib Pengerusi dalam merancang, menggerakkan dan menilai aktiviti-aktiviti kutipan derma.
- b. Mengkoordinasikan aktiviti Kutipan Derma Persatuan.
- c. Mengwujudkan perhubungan rangkaian rancangan kutipan derma disemua peringkat.
- d. Mengwujudkan perhubungan dengan Pengarah bagi mendapatkan gunatenaga dan sumber-sumber tertentu.

18. **PENGERUSI JAWATANKUASA HAL EHWAL UNDANG-UNDANG & UUKA**

- a. Mempromosi dan mendesiminasikan UUKA kepada ahli-ahli PBSMM dan orang awam.
- b. Menganjurkan kursus-kursus dan seminar dan menwujudkan kerjasama dengan semua peringkat Jawatankuasa UUKA.

19. **JAWATANKUASA LATIHAN**

- i. Merancang, melaksana aktiviti mengenai latihan PBSMM.
- ii. Membangun kapasiti Jurulatih PBSMM sesuai dengan keadaan masa
- iii. Melaporkan aktiviti mengenai latihan kepada Pengerusi Lembaga Eksekutif Kebangsaan

20. **JAWATANKUASA BELIA**

- i. Merancang, melaksanakan aktiviti mengenai Belia sejajar dengan Polisi Belia Palang Merah/Bulan Sabit Merah Persekutuan Antarabangsa Palang Merah/Bulan Sabit Merah.
- ii. Menggalakkan penyertaan Belia di arena kepimpinan berkualiti untuk belia masa kini dan masa hadapan
- iii. Melaporkan aktiviti mengenai kegiatan Belia PBSMM kepada Lembaga Eksekutif Kebangsaan.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI (KOMANDAN)

- a. Memastikan disiplin, latihan, kecekapan, pakaian seragam, rekod dan kewangan pasukan di dalam keadaan baik.
- b. Menerima dan melaksana arahan yang diterima daripada PBSMM Cabang / Cawangan dari semasa kesemasa
- c. Mengatur kursus dan latihan untuk ahli-ahli di bawah jagaannya sepertimana yang di utuskan didalam Buku Panduan Latihan (N).7)
- d. Mengatur program aktiviti tahunan pasukan.
- e. Mengagihkan-agihkan tugas rasmi PBSMM di kalangan ahli-ahlinya dan memastikan kehadiran ahli-ahlinya dalam setiap tugas yang telah diberikan.
- f. Bertanggungjawab menghantar laporan pasukan kepada PBSMM Daerah setiap tahun.

PENOLONG KOMANDAN

Semasa ketiadaan Komandan Penolong Komandan akan memikul tanggungjawab Komandan Pasukan.

KUARTERMASER

Tanggungjawab Kuartermaster ialah untuk:

- a. Mengendalikan penerimaan peralatan-peralatan pasukan atau peralatan yang di pinjam daripada Cabang / Cawangan atau IPK agar sentiasa terpelihara.
- b. Mengadakan rekod-rekod mengenai alatan serta harta pasukan dan memastikan boleh digunakan pada bila-bila masa diperlukan.
- c. Semasa ketiadaan Komandan dan Penolong Komandan kuartermaster akan mengetuai pasukannya.

DI BAWAH NAUNGAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG



PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(MALAYSIAN RED CRESCENT SOCIETY)

SIJIL KEAHLIAN

Adalah dengan ini diakui bahawasanya

telah menjadi ahli Belia/Kanak-Kanak
Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia

Dan berikrar memberi pertolongan kepada mereka yang memerlukannya.

Tanda tangan ahli

Pengerusi Cabang

Tarikh :hb.....
Tahun : 200

Cabang :
Cawangan :

AMLI PERSEKUTUAN ANTARABANGSA PERSATUAN-PERSATUAN PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH



KETUA UTAMA SEKSYEN

Tanggungjawab Ketua Utama Seksyen ialah:

- a. Melatih dan menjaga disiplin ahli-ahli seksyen di bawah jagaannya.
- b. Ketua Utama Seksyen bertindak sebagai Setiausaha di dalam mesyuarat pasukannya.
- c. Semasa ketiadaan kuartermaster dan lain-lain pegawai atasannya.

KETUA SEKSYEN

Ketua Seksyen bertanggungjawab untuk:

- a. Menjaga seksyen dan membantu Ketua Utama Seksyen di dalam memantau disiplin ahli di bawah jagaannya.
- b. Semasa ketiadaan semua Pegawai atasa pasukannya, tugas dan tanggungjawab pasukannya akan dipikul olehnya.

PENOLONG KETUA SEKSYEN

Bertanggungjawab menjaga serta melatih ahli-ahlinya. Sekiranya PBS mempunyai bilangan ahli yang besar, beliau boleh memberi tunjuk ajar sekurang-kurangnya 15 orang ahli-ahli di dalam pasukannya.

HAL-HAL LAIN

HAL-HAL LAIN

Rancangan Pertukaran Belia Palang Merah / Bulan Sabit Merah Antarabangsa.

PBSMM sangat menggalakkan penyertaan Belia (15-25 tahun) untuk mengikuti Program Pertukaran Belia Palang Merah / Bulan Sabit Merah Antarabangsa.

PBSMM juga mengambil bahagian di dalam program kem Belia Dwi Tahunan yang di anjurkan oleh Persatuan-Persatuan Kebangsaan lain di rantau ini atau di luar negara seperti di Eropah, Amerika, Timur Tengah dan peringkat antarabangsa yang lain.

Satu panel pemilihan akan dibuat oleh Jawatankuasa Belia Kebangsaan untuk menemuduga calon-calon sebelum mereka di hantar untuk mengikuti program tersebut.

Pengetua, Jabatan dan Kementerian perlu di maklumkan terlebih dahulu sebelum calon-calon (pelajar-pelajar tajaan kerajaan) itu berlepas ke luar negara untuk mengikuti program yang dimaksudkan.

Ibu bapa perlu memberikan pelepasan bertulis kepada PBSMM membenarkan anak-anak mereka mengikuti program ini.

Ibu Pejabat Kebangsaan akan memberikan taklimat dan orientasi kepada semua kepada semua peserta sebelum mereka berlepas keluar negara. "Extra Sure" insuran peserta tersebut akan di uruskan oleh Ibu Pejabat Kebangsaan sebelum berlepas keluar negara.

Semua urusan perbelanjaan akan di tanggung oleh individu atau pihak penaja sama ada Cabang / Cawangan PBSMM masing-masing.

Ahli Belia yang terlibat di dalam rancangan pertukaran belia berkembar yang di jalin antara kedua-dua buah negara yang mempunyai memorandum persefahaman sendiri, haruslah mematuhi syarat dan kondisi yang dipersetujui.

Ibu Pejabat Kebangsaan akan sentiasa memberi kerjasama serta memantau program yang di jalankan agar ianya berjalan dengan lancar.

Sijil penyertaan program pertukaran belia antarabangsa akan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Kebangsaan kepada peserta-peserta yang mengambil bahagian.

KELAYAKAN PEGAWAI UNIT BANTUAN SUKARELA

Kelayakan Pegawai-Pegawai Unit Bantuan Sukarela

Komandan

Seharusnya mempunyai kelayakan seperti berikut:

- i. Sijil Jurulatih
- ii. Sijil Pertolongan Cemas Lanjutan
- iii. Sijil PBSMM Peringkat Lanjutan
- iv. Mempunyai Sijil UUKA Peringkat Lanjutan
- v. Sijil Pentadbiran dan Pengurusan
- vi. Menjadi ahli PBSMM yang aktif sekurang-kurangnya 3 tahun.

KELAYAKAN PEGAWAI-PEGAWAI UNIT KANAK-KANAK / UNIT BELIA

Seidealnya mempunyai kelayakan seperti berikut:

- i. Sijil Jurulatih
- ii. Sijil PBSMM Peringkat Lanjutan
- iii. Sijil PBSMM Asas
- iv. Berpengalaman mengikuti aktiviti ko-kurikulum PBSMM di Maktab / Universiti.

Walaupun bagaimanapun untuk memulakan kepimpinan dalam Unit memadai seseorang guru itu mempunyai kelayakan iii) & iv).

DI BAWAH NAUNGAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG



PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(MALAYSIAN RED CRESCENT SOCIETY)

SIJIL KEAHLIAN

Adalah dengan ini diakui bahawasanya

telah menjadi ahli Belia/Kanak-Kanak
Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia
Dan berikrar memberi pertolongan kepada mereka yang memerlukan.

Tanda tangan ahli

Pengerusi Cabang

Tarikh :hb.....
Tahun : 200

Cabang :
Cawangan :

AHLI PERSEKUTUAN ANTARABANGSA PERSATUAN-PERSATUAN PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH

